

Rakyat disaran pelihara keamanan untuk pencapaian Wawasan 2020

UM 1 JUL 2001

KUANTAN 43 Julai — Rakyat berbilang kaum di negara ini perlu memelihara keamanan yang sedia ada kerana ia faktor utama ke arah pencapaian Wawasan 2020 yang diidam-idamkan, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, keamanan membolehkan semua pihak termasuk kerajaan, rakyat dan persatuan-persatuan masyarakat dalam pelbagai bentuk, saling bekerjasama untuk memastikan pembangunan yang dirancang tercapai.

Beliau berkata, ia juga membolehkan kerjasama yang erat di kalangan kaum di negara ini dan sekali gus membolehkan mereka saling faham-memahami apa juga sensitiviti dan masalah di antara satu dengan lain.

“Kita perlu kekalkan keamanan yang ada dengan saling bekerjasama, kita mahu tiba ke matlamat Wawasan 2020 sama-sama, kita tak mahu ada yang tertinggal di belakang.

“Sebab itu kita buat Dasar Ekonomi Baru dengan tujuan menyeimbangkan kedudukan ekonomi antara kaum dengan harapan mereka dapat duduk di negara ini dengan aman,” katanya.

Beliau menyatakan demikian ketika berucap pada majlis makan malam Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia (GPCM) yang dianjurkan oleh persatuan itu dengan kerjasama Persatuan-persatuan Cina Pahang di Dewan Konvensyen di sini malam ini.

Menurut Dr. Mahathir, walaupun usaha untuk memajukan masyarakat berbilang kaum belum tercapai sepenuhnya, namun jurang antara kaum sudah dapat dikurangkan.

Katanya, keadaan itu berlaku kerana semua kaum di negara ini saling memberi sokongan antara satu sama lain bagi memastikan dasar-dasar kerajaan dilaksanakan dengan berkesan.

“Untuk itu, adalah wajar kita saling mencintai, mengasihani dan memahami sebagaimana yang ditekankan oleh ajaran Confucian dan saya harap masyarakat Cina menekankan soal ini,” katanya.

Beliau berkata, tidak ada guna masyarakat berbilang kaum di negara ini bergaduh atau melakukan rusuhan di antara satu sama lain disebabkan masalah ekonomi kerana ia tidak membawa sebarang kebaikan.

Rusuhan

“Kita sudah pun lihat di negara-negara lain yang berlaku rusuhan dan pergaduhan antara kaum akhirnya tidak akan maju malah sering berhadapan dengan masalah,” katanya.

Sementara itu, Presiden GPCM, Tan Sri Chong Chin Shoon dalam ucapannya berjanji menyokong penuh terhadap segala langkah yang diambil oleh kerajaan bagi memajukan negara ini ke arah mencapai Wawasan 2020.

Turut hadir majlis berkenaan ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ah, pemimpin-pemimpin MCA termasuk Presidennya Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik dan Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob.